

31 MAR 2002

SESI KHAS MENTERI-MENTERI LUAR OIC MENGENAI KEGANASAN BERMULA

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan bermula hari ini bagi mencari penyelesaian komprehensif untuk menangani keganasan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampai ucapan serta merasmikan sesi khas itu yang diadakan di Hotel Palace of the Golden Horses di sini.

Sebanyak 52 daripada 57 negara anggota OIC menghantar wakil ke mesyuarat tiga hari itu yang bertujuan menghasilkan deklarası yang antara lain akan menentukan takrif keganasan, puncanya dan bentuk tindakan bagi menanganinya.

Seramai 25 orang perwakilan bertaraf Menteri Luar menghadiri sesi khas yang merupakan sumbangan negara-negara Islam kepada usaha menangani keganasan.

Satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan telah dicadangkan oleh Dr Mahathir berikutan serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas dan ICFM ini patut dilihat sebagai pendahulu kepada persidangan itu.

Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Keganasan akan dirumus oleh para perwakilan sesi khas itu yang turut dihadiri oleh wakil beberapa pertubuhan bukan kerajaan.

Perwakilan akan membincangkan berbagai bentuk keganasan -- oleh individu, negara, kumpulan dan pertubuhan, dan rumusan mesyuarat itu akan dibawa ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

-- BERNAMA

RV ZS AAM MOZ